

UniMAP terus unggul pungutan pingat

UNIVERSITI Malaysia Perlis (UniMAP) kini berada di landasan terbaik untuk muncul juara keseluruhan Sukan Kakitangan Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2009 yang berlangsung di Universiti Terengganu, Terengganu, sejak 11 Jun lalu.

Naib Canselornya, Datuk Dr Kamarudin Hussin berkata, ini berikutan kejayaan cemerlang kontinjen universiti itu mengumpul jumlah pingat terbanyak iaitu 53 pingat membabitkan 29 emas,

16 perak dan 8 gangsa.

Katanya, jumlah kutipan pingat yang diraih itu jauh mengatasi pencabar lain termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menduduki tangga kedua dengan 9 emas, 5 perak dan 6 gangsa.

"Selepas mengungguli acara trek olahraga sebelum ini dengan 19 emas, 11 perak dan empat gangsa dan tiga pingat emas menerusi lapangan golf di awal kejohanan, UniMAP turut meraih pingat dalam beberapa acara lain.

"Ini termasuk lima pingat emas dalam acara bowling dan masing-masing satu pingat emas futsal wanita, bola sepak dan hoki lelaki," katanya.

Kamarudin berkata, dalam acara bowling, sebanyak lapan pingat emas ditawarkan iaitu beregu lelaki dan wanita, perseorangan lelaki dan wanita, all event lelaki dan wanita serta empat sepasukan lelaki dan wanita.

"Sehingga kini (semalam), UniMAP telah membolot li-

ma emas melalui acara beregu lelaki dan wanita serta empat sepasukan lelaki dan wanita serta all event lelaki sekaligus mengungguli acara bowling pada kejohanan kali ini," katanya.

Kamarudin yang nyata berpuas hati dengan pencapaian itu berharap agar atlit UniMAP meneruskan aksi cemerlang pada hari terakhir kejohanan dalam tiga lagi acara di pentas final iaitu futsal wanita dan bola sepak senior menentang pasukan UKM dan Universiti Tun

Hussein Onn Malaysia (UTHM).

"Selain itu, final hoki pula menyaksikan pertarungan ulangan 2007 antara UniMAP dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Justeru, saya amat berharap semua atlit UniMAP akan bermain dengan semangat dan kesungguhan tinggi untuk muncul juara acara masing-masing seterusnya membolehkan UniMAP muncul juara keseluruhan SUKUM ke-34 ini," katanya.